



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Kenyataan Media

12 Mei 2020

Satu mesyuarat penyelarasan telah bersidang pagi ini bersama-sama Datuk Bandar, YDP dan Pegawai Daerah seluruh Selangor. Berikut adalah beberapa ketetapan yang ingin ditonjolkan (*highlight*):

(i) **Makan/minum (*dine-in*) di restoran**

Semua restoran kini dibenarkan untuk beroperasi **sepenuhnya** termasuk makan dan minum di dalam premis dari jam 7 pagi hingga 7 malam tertakluk kepada pematuhan penjarakan sosial. Namun, membuka meja di kawasan kaki lima dan parkir tidak dibenarkan.

Para peniaga restoran digalakkan untuk memberi pilihan pra-tempah (pre-order) kepada pelanggan bagi mengelakkan kesesakan di dalam kedai.

Penguatkuasa PBT akan turut membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan pematuhan.

(ii) **Kendera saji (*food truck*) dan penjaja tepi jalan (tiada premis)**

Penjaja makanan dalam kategori tidak berpremis boleh mula beroperasi dari jam 7 pagi hingga 10 malam namun terhad kepada pandu lalu, bungkus dan penghantaran sahaja.

(iii) **Larangan aktiviti penyembelihan**

Tidak dibenarkan aktiviti penyembelihan dan pemprosesan haiwan seperti ayam di pasar awam, pasar borong, pasar segar dan pasar swasta. Aktiviti pasar yang lain dibenarkan beroperasi seperti biasa. Pasar pagi dan pasar malam masih belum dibenarkan beroperasi.

(iv) **Sukan & Rekreasi**

Semua jenis taman kini dibenarkan untuk rakyat beriadah dari jam 7 pagi hingga 7 malam. Aktiviti pendakian dan perkhemahan masih tidak dibenarkan. Namun, aktiviti memancing adalah dibenarkan.

Sila rujuk Lampiran untuk penjelasan lebih terperinci.

Perkara lain yang tidak disebut adalah seperti yang digariskan dalam tatacara operasi piawai (SOP) yang disediakan Majlis Keselamatan Negara.

YAB Dato' Seri Amirudin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor

LAMPIRAN A

PINDAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT DIUBAHSUAI (PKPBD) DI PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BIL	SEKTOR	KOMPONEN	STATUS OPERASI
1.	MAKANAN / PERUNCITAN	Perniagaan Berpremis <ul style="list-style-type: none"> • Restoran • Medan Selera • Gerai Makan (berbumbung) • Kiosk 	<p>Dibenarkan makan/minum di premis mulai 13 Mei 2020 (Rabu) dari jam 7.00 pagi sehingga 10.00 malam tertakluk kepada peraturan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti penjarakan sosial 1 meter setiap individu. • Tidak dibenarkan membuka meja di kawasan kaki lima dan parkir. • Aktiviti <i>take away, delivery</i> dan pandu lalu boleh diteruskan seperti biasa. <p>Pihak PBT boleh mengambil tindakan penutupan premis atau lain-lain tindakan penguatkuasaan sekiranya didapati terdapat pelanggaran SOP oleh pemilik premis.</p>
		Perniagaan Tanpa Premis <ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan Saji (<i>food truck</i>) • Penjaja 	<p>Dibenarkan beroperasi mulai 13 Mei 2020 (Rabu) dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada peraturan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti penjarakan sosial 1 meter setiap individu. • Hanya untuk aktiviti <i>take away, delivery</i> dan pandu lalu sahaja. • Tidak dibenarkan membuka meja untuk makan/minum di lokasi perniagaan. <p>Pihak PBT hendaklah memastikan kedudukan peniaga disusun dengan penjarakkan yang sesuai atau menggunakan kaedah penggiliran bagi setiap peniaga.</p>

LAMPIRAN A (sambungan)

PINDAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT DIUBAHSUAI (PKPBD) DI PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BIL	SEKTOR	KOMPONEN	STATUS OPERASI
1.	MAKANAN / PERUNCITAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pasar Awam • Pasar Borong • Pasar Segar • Pasar Swasta 	<p>Mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).</p> <p>Tidak dibenarkan aktiviti penyembelihan dan pemprosesan haiwan seperti ayam di dalam kawasan pasar.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Pasar Pagi • Pasar Malam 	Tidak dibenarkan.
		<ul style="list-style-type: none"> • Stesen Minyak (termasuk Kedai Serbaneka) 	Dibenarkan dari jam 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam.
		<ul style="list-style-type: none"> • Pasar Raya Mini • Kedai Runcit • Kedai Serbaneka 	Dibenarkan dari jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam.
2.	PEMBINAAN	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja pembinaan yang dinyatakan dalam Akta 520 	Dibenarkan dengan syarat syarikat perlu mengemukakan pelan tindakan keselamatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk kelulusan terlebih dahulu.
3.	SUKAN & REKREASI	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Awam/ Rakyat 	Dibenarkan dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 malam tertakluk kepada peraturan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). • Untuk tujuan riadah sahaja.
		<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Pendakian (<i>Hiking</i>) 	Tidak dibenarkan sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
		<ul style="list-style-type: none"> • Taman Komuniti 	Dibenarkan dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 malam .

Nota:

Senarai aktiviti yang dilarang di dalam SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah turut terpakai di Negeri Selangor.